



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016



Gen.Y

EDITOR : NOOR AZAM AB AZIZ
TEL: 11-300-22-6787 S.M.B. 4759 FAX: 03-20567083/7084

PENCINTA ARCA

Nora Samasudin nekad gilap bakat dalam bidang diminat

Nor Hanisah Kamaruzaman
gen.y@hmetro.com.my

Penulis kagum dengan semangat anak muda yang menanam impian menjadikan karya seni arca di Malaysia lebih dikenali dan terkemuka di mata dunia.

Nora Samasudin, 26, berkata, seni arca kurang dikenali berbanding karya seni lain seperti lukisan yang begitu meluas dan mudah menembusi minat penggemar seni tempatan dan antara-bangsa.

Lulusan ijazah dalam jurusan arca dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu berkata, bilangan pengarca perintis di negara ini juga kian berkurangan.

Katanya lagi, walaupun dia sedar bidang seni tidak mempunyai jalan singkat dan mudah, namun apa yang diharapkan satu hari nanti penantian serta keazamannya membuahkan hasil.

"Memandangkan saya memilih bidang ini dari awal kerana minat, jadi saya harus terus perjuangkan apa yang saya yakin menjadi kekuatan saya.

"Namun untuk berjaya dan menjadi terkenal itu bukan satu perkara mudah

dan apa yang penting, saya kena banyak bersabar dan tidak mudah putus asa untuk berkarya.

"Bagi yang ingin mencuba tonjolkan bakat dalam bidang ini, jangan sia-siakan bakat yang ada dan cari kekuatan masing-masing serta kembangkan bakat berkenaan.

Menjadikan pengarca terkemuka Henry Moore sebagai idola, Nora mengetengahkan genre abstrak dalam menghasilkan karyanya.

Karya terbaru yang ditampilkan Nora yang pernah dipamerkan dalam pameran tahun akhir di UiTM pada awal tahun ini adalah koleksi yang diberi nama 'Unforeseen'.

Mendapat ilham daripada lukisan kanak-kanak, nama koleksi itu sendiri menggambarkan karya Nora yang tidak dijangka dan mengejutkan.

"Saya dapat idea untuk hasilkan karya ini ketika melihat kanak-kanak melukis, lukisan mereka sangat naif dan istimewa.

"Selepas membuat kajian dan membuat perangkaan, saya mulakan proses penghasilan arca ini dengan membuat lakaran.

Nora menggunakan medium kepi-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

ngan zink dan kabel aluminium. Proses seterusnya membabitkan pemotongan dan mencantumkan semua bahan.

Sebelum dipamerkan, Nora turut mengimpal dan menyembur cat sebagai kemasan akhir pada karyanya itu.

“Sebelum hasilkan karya ini saya juga tidak jangka bentuk apa yang akan dilihat pada akhir proses dan saya mahu penonton interpretasikan sendiri apa yang mereka lihat dan hayati.

“Namun ramai antara penonton dan penggemar seni memberitahu bentuknya seakan-akan jantung dan bagi saya, itu terpulang kepada pemerhatian masing-masing.

Menurut Nora, perancangannya dalam masa terdekat ialah menghasilkan koleksi terbaru untuk dipamerkan pada pertengahan tahun ini di galeri sekitar Lembah Klang.

“Saya dalam proses siapkan koleksi arca terbaru yang bakal dipertontonkan dalam pertengahan tahun ini tapi masih belum siap sepenuhnya.

“Selain siapkan karya untuk pameran, saya juga dalam proses menghasilkan arca untuk dipertandingkan di Sabah tidak lama lagi tapi masih dalam proses mencambah idea,” katanya



PROFIL

Nama: Nora Samasudin

Usia: 26 tahun

Pendidikan: Lulusan Ijazah Pegkhususan Arca dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Genre seni: Abstrak

Instagram: @norasamasudin



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

